

Mahathir lihat pembangunan di Langkawi

BH 29 NOV 1984

Oleh NAZAR ABDUL

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Pulau Langkawi dua hari mulai Rabu minggu lalu untuk meninjau kemajuan rancangan-rancangan pembangunan dan masalah-masalah penduduk tempatan.

Beliau yang datang tanpa diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah mempunyai aturcara lawatan yang ketat untuk mengetahui secara lebih dekat kemajuan yang dicapai di pulau itu khususnya projek pusat pelancongan di Tanjung Rhu.

Ketibaan Perdana Menteri disambut oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin, ahli-ahli cxco negeri dan pemimpin-pemimpin Umno di Lapangan Terbang Kepala Batas dan di Pulau Langkawi.

Sebelum mendarat di Pulau Langkawi Datuk Seri Dr Mahathir melihat dari udara dengan helikopter keindahan pulau yang menjadi tumpuan pelancong itu.

Beliau ingin melihat kedudukan projek-projek besar seperti Pusat Pelancongan Tanjung Rhu, kilang simen, kilang batu marmar dan Lapangan Terbang di Padang Masirat.

Perdana Menteri menghadiri majlis dialog dengan ketua-ketua dan ahli-ahli Umno cawangan di Umno bahagian Langkawi di Langkawi Country Club pada malam pertama, diikuti dengan majlis mesyuarat Umno Perhubungan Negeri Kedah.

Mesyuarat itu yang dihadiri oleh ketua-ketua 13 UMNO Bahagian Kedah dan wakil-wakil mereka dipengrusikan oleh Datuk Seri Syed Na-

har Shahabuddin selaku Ketua Umno Perhubungan Negeri.

Pada kecsokannya Perdana Menteri menghabiskan masa beliau melihat kawasan-kawasan pusat pelancongan yang akan dimajukan oleh Syarikat Promet.

Perairan

Pengerusi Promet Tan Sri Ibrahim Mohamad dan Pengarah Eksekutifnya Datuk Abdullah Mohamad telah menerangkan butir-butir dan maklumat-maklumat yang ingin diketahui oleh Perdana Menteri.

Antara tempat-tempat yang dilawati ialah tapak hotel 400 bilik dan kolam renang raksasa bagi pusat pelancongan yang dirancangkan itu.

Datuk Seri Sr Mahathir juga dibawa melawat sekitar kawasan perairan dekat Tanjung Rhu

untuk melihat lebih dekat tempat-tempat yang akan dimajukan oleh Promet dan keindahan kawasan itu.

Pada sebelah tengah harinya Perdana Menteri mengadakan rundingan tertutup dengan Promet mengenai pelbagai cadangan yang dikemukakan bagi memajukan Pusat Pelancongan Pulau Langkawi.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin, ahli-ahli cxco negeri, pengurus besar Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKKK) Haji Kassin Abdul Aziz dan Pegawai Daerah Langkawi Encik Yunus Ariffin hadir di mesyuarat itu.

Pada sebelah malamnya Perdana Menteri di-
raikan oleh Promet dengan satu jamuan makan malam di Mutiara Beach Hotel di Tanjung Rhu, salah sebuah hotel yang akan dimajukan untuk menjadi pusat pelancongan raksasa itu.